



FEMA

20 Oktober, 2021

DR-4615-NY NR 012

Meja Berita Negeri: (518) 474-8418

Meja Berita FEMA: (202) 322-6071

E-mel: fema-4615ny@fema.dhs.gov

Hebahan Berita

Dana FEMA Tidak Dianggap Pendapatan dan Tidak dikenakan Cukai

NEW YORK – Mereka yang menerima pembayaran daripada 'Social Security' atau bantuan kerajaan lain tidak perlu berasa risau sekiranya bantuan bencana FEMA ini akan menjejaskan faedah bantuan yang diterima.

Sekiranya anda tinggal di **Bronx, Kings, Nassau, Queens, Richmond, Rockland, Suffolk** atau **Westchester County** dan telah memohon bantuan bencana persekutuan FEMA selepas Taufan Ida, anda tidak akan terancam dengan kehilangan faedah persekutuan lain yang berhak diterima.

Dana bencana FEMA tidak dianggap sebagai pendapatan bercukai. Menerima dana FEMA tidak akan mempengaruhi faedah bantuan Social Security, Medicare, Medicaid, Program Bantuan Pemakanan Tambahan (SNAP) atau program bantuan persekutuan anda yang lain.

Dana bencana dapat membantu pembayaran perumahan sementara, pembaikan rumah yang diperlukan akibat Taufan Ida, penggantian harta benda peribadi dan keperluan lain yang berkaitan dengan bencana yang tidak dilindungi oleh insurans anda atau sumber lain.

Terdapat beberapa cara untuk memohon bantuan bencana persekutuan:

- Layari [DisasterAssistance.gov](https://www.DisasterAssistance.gov), gunakan aplikasi mudah alih FEMA atau hubungi **Talian Bantuan FEMA** di **800-621-3362**. Sekiranya anda biasa menggunakan perkhidmatan geganti video (VRS), perkhidmatan telefon kapsyen atau lain-lain, sila beri FEMA nombor untuk perkhidmatan tersebut. Operator Talian Bantuan sedia untuk membantu dari jam 8 pagi hingga 7 malam setiap hari. Tekan 2 untuk Bahasa Sepanyol, tekan 3 untuk jurubahasa yang boleh bertutur dalam bahasa anda.
- Anda juga boleh mengunjungi Pusat Pemulihan Bencana dan bertemu secara langsung dengan kakitangan FEMA dan wakil agensi persekutuan dan negeri lain yang dapat memberikan maklumat mengenai bantuan bencana. Untuk mencari pusat pemulihan berhampiran anda, layari [DRC Locator \(fema.gov\)](https://www.fema.gov/drc-locator).
- Pusat Pemulihan Bencana Rockland County Disaster Recovery Center **dibuka setiap hari dari pukul 8 pg. hingga 7 mlm di:**
 - Orangetown Soccer Club Complex, 175 Old Orangeburg Road, Orangeburg, NY 10962

- Pusat berikut dibuka dari pukul **10 pg. hingga 6 ptg. hari Isnin hingga Sabtu**, Ahad ditutup:
 - Hostos College, 450 Grand Concourse, Bronx, NY 10451
 - Queens College, 152-45 Melbourne Ave., Queens, NY 11367
 - Medgar Evers College, 231 Crown St., Brooklyn, NY 11225
 - College of Staten Island, 2800 Victory Blvd., Staten Island, NY 10314
 - Michael J. Tully Park Physical Activity Center, 1801 Evergreen Ave., New Hyde Park, NY 11040
 - Rose Caracappa Senior Center, 739 NY-25A, Mount Sinai, NY 11766
 - Public Library, 136 Prospect Ave., Mamaroneck, NY 10543

Tarikh tamat permohonan bantuan bencana FEMA adalah pada hari **Isnin, 6 Disember**.

Untuk sumber dalam talian tambahan serta risalah FEMA yang boleh dimuat turun dan bantuan lain, layari [DisasterAssistance.gov](https://www.DisasterAssistance.gov) dan klik "Information."

Untuk rujukan ke agensi-agensi yang memberi bantuan keperluan khusus komuniti, hubungi 211 atau layari <https://www.211nys.org/contact-us>. Untuk penduduk New York City, hubungi 311.

Untuk maklumat terkini mengenai usaha pemulihan Taufan Ida di New York, layari www.fema.gov/disaster/4615. Ikuti kami di Twitter twitter.com/femaregion2 dan www.facebook.com/fema.

#

Misi FEMA membantu mereka sebelum, semasa, dan selepas bencana.